

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 19 MAC 2024 (SELASA)

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah bas baru beroperasi di Lembah Klang sejak November 2022 sehingga kini dan sasaran penambahan bas baru untuk tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam sebagai perkhidmatan yang penting kepada rakyat sama ada di Lembah Klang atau di luar bandar. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 1,200 buah bas berhenti-henti yang beroperasi setiap hari di lebih 400 laluan di seluruh Lembah Kelang merangkumi perkhidmatan RapidKL, GoKL, Smart Selangor dan beberapa syarikat pengendali swasta dengan kekerapan waktu puncak di antara 10 minit ke 30 minit bergantung kepada laluan.
2. Perkhidmatan bas ini menghubungkan kawasan residensi ke pusat bandar dan stesen-stesen rel bagi memudahkan pergerakan penduduk Lembah Klang. Selain itu, perkhidmatan bas percuma GoKL juga telah ditambah baik kepada 15 laluan dengan 150 hentian bas yang membantu menghubungkan penumpang ke tempat-tempat tumpuan di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur.
3. Perolehan sebanyak 310 bas diesel baharu sedang dilaksanakan dan dijangka akan beroperasi pada tahun 2025. Selain itu, pihak Prasarana sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi melaksanakan perolehan bas elektrik (EV) dengan sasaran pengoperasian 100 buah bas elektrik menjelang tahun 2025.

Sekian, terima kasih.